



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“OPS KHAS ULAT DAN KENDERAAN E-HAILING”

KLIA, 7 Mei 2024 – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia sentiasa memastikan kelancaran dan kecekapan operasi perkhidmatan pengangkutan awam ke arah peningkatan keselamatan, kualiti dan kebolehharian kepada pengguna, serta ke arah memastikan imej positif negara kepada pelancong asing bagi kelestarian ekosistem pelancongan. JPJ telah, sedang dan akan terus melaksanakan operasi ke atas mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah, memujuk atau mendesak bagi maksud menawarkan perkhidmatan yang berkaitan, yang menjadi suatu kesalahan berdasarkan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334), Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) dan kaedah di bawahnya.

Menerusi Ops Khas Ulat yang dilaksanakan dalam tempoh mulai tahun 2022 sehingga April 2024, JPJ telah mengesan dan telah mengambil tindakan tangkapan ke atas **312 ulat yang memujuk atau mendesak bagi maksud menawarkan perkhidmatan yang berkaitan tanpa kebenaran**. Tangkapan ini dibuat di bawah Seksyen 205 (1) APAD 2010 dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau di penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Dalam masa yang sama JPJ juga telah melaksanakan Ops Khas e-Hailing dan telah mengesan serta mengambil tindakan ke atas pemilik atau pemandu kenderaan e-Hailing seperti butiran berikut :

PENGELUARAN NOTIS E-HAILING		
BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Kenderaan diperiksa	23,567
2	Kenderaan diambil tindakan	1,889
3	Notis yang dikeluarkan <ul style="list-style-type: none">▪ 7 Kesalahan Utama▪ Gagal periksa Puspakom▪ Teknikal / Kelakuan / dll	2,168

JPJ memandang serius dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana orang tanpa kuasa yang sah, menjalankan aktiviti memujuk atau mendesak bagi maksud menawarkan perkhidmatan secara tidak sah. JPJ juga akan sentiasa mengambil tindakan tegas kepada syarikat, pemilik/pemandu e-Hailing yang masih tegar melanggar undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Penguatkuasaan dan tindakan tegas akan dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan akauntabiliti pematuhan peraturan ke arah ekosistem pembudayaan keselamatan jalan raya yang lebih selamat kepada semua pengguna.

JPJ telah menetapkan sasaran untuk melandaikan statistik kemalangan dan kematian akibat nahas jalan raya. JPJ menyeru dan memohon kerjasama semua pengguna jalan raya dan orang awam untuk bersama melaksanakan aspirasi **MALAYSIA MADANI** melalui **Perkongsian Tanggungjawab Bersama** dengan mengambil langkah mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya serta bertoleransi bersama pengguna jalan raya yang lain demi keutamaan keselamatan diri dan keluarga ketika di jalan raya.

JPJ ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pengguna jalan raya yang sentiasa mematuhi peraturan jalan raya yang ditetapkan dan bersama menjalankan tanggungjawab membuat laporan aduan secara terus atau *real time* menggunakan **Aplikasi MyJPJ : e-Aduan@JPJ** atau **emel aduantrafik@jpp.gov.my** beserta dengan butiran lengkap aduan.

Jabatan ini sentiasa komited untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya sentiasa terpelihara seterusnya berada pada tahap yang terbaik.

“Pandu Cermat, Sampai Selamat”.

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

7 MEI 2024

[TAMAT]